

IQRA'

BULETIN PERPUSTAKAAN



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

PERCUMA

Isu No. 8

Jan 2011

ISSN 1985-174X

<http://lib.usim.edu.my>

30 DISEMBER 2010

KUMPULAN KIK VITALIZE

"Juara Konvensyen KIK" USIM 2010



ISSN 1985-174X



9 771985 174000



TAHNIAH
DI ATAS PENSIJILAN
MS 1SO 9001 : 2008
JABATAN PERPUSTAKAAN

SIDANG REDAKSI BULETIN IQRA'

Penasihat/Ketua Editor :
Ketua Pustakawan

Editor:
Pn. Nor Azzah bt. Momin

Pembantu Editor:
Pn. Hasmida bt. Saleh
En. Mohd. Helmi b. Masor @ Mansor

Pembantu Penerbitan :
Pn. Noor Juliana bt. Husain
Pn. Azreena Surya bt. Ahmad

Wartawan:
Pn. Wan Azura bt. Radzuan
Pn. Nur Zuhaini bt. Yahya

Jurugambar:
En. Hasrizal b. Yahya

Pemasaran/Edaran:
Cik Aishahtun bt. Abd. Majid
Pn Suharti bt. Tulos @ Abd Jalil

Buletin IQRA' diterbitkan setiap empat bulan sekali mulai Jun 2007. Buletin ini memuatkan rencana, berita, ulasan buku dan bahan lain yang berkaitan dengan Jabatan perpustakaan USIM. Untuk sebarang maklumat lanjut, pertanyaan, komen atau cadangan, kiriman bahan boleh diajukan kepada:

Editor,
Buletin IQRA'
Perpustakaan,
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel.: 06-798 6202
Faks.: 06-799 3508
E-Mel: norazzah@usim.edu.my

Diterbitkan oleh:
Jabatan Perpustakaan,
Universiti Sains Islam Malaysia.



Kata Alu-Aluan Editor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana kita dapat bertemu lagi dalam keluaran kali ini. Kami mohon kemaafan atas kelewatan Buletin ini menemui para pembaca.

Untuk keluaran kali ini, tumpuan kami kepada promosi perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan kepada para pengguna Perpustakaan.

Apa yang kami di Perpustakaan USIM ini harapkan adalah penggunaan maksimum oleh para pengguna bagi memastikan agar setiap pelaburan yang dikeluarkan harus memberikan pulangan yang memuaskan.

Justeru, kami mengharapkan agar para pengguna menggunakan sebaik-baiknya segala kemudahan yang ada dan sekiranya timbul sebarang kemusykilan dalam proses tersebut, para pengguna dinasihatkan agar merujuk kepada kakitangan yang bertugas di Meja Penasihat Pengguna, Kaunter Sirkulasi atau Kaunter Multimedia.

Sila layari laman web Perpustakaan USIM bagi mendapatkan informasi terkini.

Selamat membaca.
Terima Kasih.
Wassalam.

NOR AZZAH MOMIN
Editor



Perutusan Ketua Pustakawan



Assalamualaikum,

"Demi masa, sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran". Begitulah Firman Allah dalam surah Al-Asr mengingatkan kita tentang masa yang amat berharga. Sesungguhnya kita umatnya mesti menghargai masa terutama apabila datangnya tahun baharu di mana usia kita bertambah 1 tahun. Kita perlu mengingati perbuatan baik dan tidak baik yang kita lakukan pada tahun lepas, dengan perbuatan baik menjadi teladan dan perbuatan jahat menjadi pengajaran kepada kita.

Tahun 2011 USIM bertekad terbilang dengan berlandaskan perancangan strategik universiti melalui USIM KRA (Key Result Area). Dengan 6 KRA yang telah dilaksanakan pada pertengahan tahun 2010 dan menasaskan tahun 2015 agar USIM menjadi terbilang menjadi satu batu loncatan bagi USIM menjadi IPTA yang tersohor dalam bidang pengajian Islam di peringkat antarabangsa.

Bagi mencapai KRA tersebut, Perpustakaan bertekad untuk menjadi penyokong yang kuat bagi menghasilkan pelajar yang terbilang dari segi akademik, berperibadi mulia dan mempunyai daya pemikiran yang kreatif dan inovatif. Bagi tujuan tersebut satu budaya intelektual akan diperkenalkan agar pelajar USIM dapat menjana ilmu melalui pembacaan buku, jurnal dan bahan-bahan perpustakaan yang lain.

Perpustakaan sentiasa menyokong bidang penyelidikan di USIM dengan menasaskan setiap ahli akademik USIM mempunyai jurnal ilmiah yang berimpak tinggi agar ahli akademik mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Pengukuhan koleksi perpustakaan menjadi agenda bagi mencapai hasrat tersebut. Perpustakaan USIM juga sedang memantapkan koleksi bahan Bahasa Arab dan juga koleksi bahan dalam bentuk digital, agar bahan rujukan perpustakaan mempunyai impak yang tinggi dan senang diakses.

Menjadi harapan pengurusan perpustakaan agar perpustakaan USIM dapat mencapai objektif penubuhannya iaitu menjadi pemangkin perkembangan ilmu bagi memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan.

Sekian. Terima Kasih
Wassalam

WHAT IS SDI?

Selective Dissemination Information system is integrated with the Web Portal and allows users to save any number of bibliographic keyword search queries and then run them again at a later date.

Users can run these saved search queries as needed, or they can instruct the system to perform the searches automatically at a set frequency.

In this way, users can monitor new items that the library has added to its collections.

Using SDI System users can:

- Perform bibliographic keyword searches.
- Save their search queries so that they can be executed again in the future.
- Schedule their SDI queries to be generated automatically.
- Request that their search results be emailed or mailed to them.
- Edit aspects related to the SDI queries.

How to Use SDI ?

STEP 1


Log in your patron account in the Library iPortal at address <http://library.usim.edu.my>

STEP 2

Use the keyword search and type your bibliographic keyword search. For example you search under title Management.


STEP 3

The results of your search will appear on the List of Titles Screen. As the example below:



STEP 4

Click the Save Query for SDI button and the SDI screen appears. See the example below:



STEP 5

To save your bibliographic keyword search query;

From the Run Report Every list box, choose a frequency. Your search query will run automatically according to the schedule you choose.

From the Show Results For list box, choose a period. This period determines which titles are included in the results when your search query is run automatically or manually. For example, if you choose Last Week, your results include the titles that meet your search criteria and were added to the database in the week preceding the Last Run date.

In the Output E-mail Address field, type the e-mail address where you want the patron output to be sent when the search query is run automatically or manually. If you do not have an e-mail address or if you prefer to received paper copies of reports, leave the field blank.

Click the Save Query button.

REVIEW SDI

To run your saved search queries manually at any time you need to:

Step 1

Log in your Patron Account.

Step 2

Click the Review SDIs link. The list SDI Queries screen appears, as example below:


ID	Created	Last Run	Found	Times Run	Run report every	Show results for	Output E-mail Address	Database
2	07-JAN-2009	17-FEB-2009	257	2	Week	Year	mhelmi@usim.edu.my	USIM
Query (s:"chemistry")								
3	07-JAN-2009	17-FEB-2009	9	2	Week	Week	mhelmi@usim.edu.my	USIM
Query (s:"islamic" & s:"law" & s:"congresses")								

Step 3

Select the radio button next to the search query that you want to run.

Step 4

Click the Run Query button. The system displays a confirmation message, which indicates where the search results were sent.



SDI RESULTS

In the SDI System whenever you runs a saved query manually via the Web Portal your output is generated and sent to either..

- Your e-mail Address

The results show as the example below:

Perpustakaan USIM,
Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan.

SDI Results

Query: (s:"chemistry")
Covers: 52 Weeks To Today
Results: 82

Link: <http://library.usim.edu.my/cgi-bin/gw/chameleon?sessionid=VTLS&function=CARDSCR&search=KEYWORD&lang=en&pos=1&host=10.8.252.15+1111+DEFAULT&u1=12101&t1=38388&submittheform=Search&recsperpage=10>
Item 1: Main Library /
Bib ID: 38388

Author: Timberlake, Karen.
Title: Basic chemistry / Karen C. Timberlake, William Timberlake.
Edition: 2nd ed.
Publication: San Francisco : Benjamin Cummings, c2008.
Physical Description: xxv, 700, 24 p. : col. ill. ; 28 cm.
Subject: Chemistry Textbooks.

Link: <http://library.usim.edu.my/cgi-bin/gw/chameleon?sessionid=VTLS&function=CARDS CR&search=KEYWORD&lang=en&pos=1&host=10.8.252.15+1111+DEFAULT&u1=12101&t1=38389&submittheform=Search&recsperpage=10>
Item 1: Main Library /
Bib ID: 38389
Author: Greco, Thomas G.
Title: Experiments in General chemistry--principles & modern applications, Petrucci, Harwood, Herring, Madura.
Edition: 9th ed. / Thomas G. Greco, Lyman H. Rickard, Gerald S. Weiss.
Publication: Upper Saddle River, NJ : Pearson Prentice Hall, c2007.
Physical Description: 346 p. : ill. ; 28 cm.
Subject: Chemistry Laboratory manuals.

PERPUSTAKAAN USIM MENANGI TEMPAT PERTAMA PERTANDINGAN PEJABAT 5S PATRIOTIK



Perpustakaan USIM telah memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Pejabat 5S Patriotik sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan 2010 USIM yang diadakan dari 19 Ogos 2010 sehingga 16 September 2010. Kemenangan ini diumumkan semasa perhimpunan bulanan USIM, yang diadakan pada tarikh 1 November 2010 yang lepas. Hadiah telah disampaikan oleh Naib Canselor USIM kepada ketiga-tiga pemenang utama.

Sepanjang pertandingan, Perpustakaan telah mengadakan inisiatif dengan bekerja sama untuk menghiasi pejabat dan kawasan sekitarnya dengan bendera Malaysia dan sepanduk kecil dengan tema Hari Kemerdekaan dan 1 Malaysia serta Hari Raya Aidil Fitri, kerana bertepatan juga dengan bulan puasa dan Hari Raya Aidil Fitri, mengemas kini sudut 5S Perpustakaan, menghiasi ruang legar Perpustakaan dengan beras yang berwarna-warni (Kolam) berbentuk bendera Malaysia dan bunga raya, dan menambahnya dengan 'softboard' yang berbentuk bangunan Tun Abdul Samad dan Perdana Menteri Malaysia yang pertama Allahyarham Tunku Abdul Rahman yang melaungkan Hari Kemerdekaan.

Semua kakitangan telah bekerja sama untuk memastikan kejayaan pertandingan ini dan sebagai hasilnya, Perpustakaan telah memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Pejabat 5S Patriotik sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan 2010 USIM.



KAMUS DAN KEGUNAANNYA

Kamus adalah salah satu daripada bahan-bahan yang dikategorikan sebagai sumber maklumat terus. Lain-lain bahan yang dikelompokkan dalam kategori ini adalah ensiklopedia, direktori, buku laporan tahunan, almanak, dokumen terbitan kerajaan dan bahan sumber maklumat geografi seperti glob, peta dan carta.

Kamus digunakan bagi tujuan-tujuan seperti berikut:

- Mencari erti bagi sesuatu perkataan – secara umumnya penggunaan kamus biasanya adalah bertujuan bagi mencari erti bagi sesuatu perkataan yang difahami maksudnya.
- Menyemak ejaan yang betul – kamus juga boleh digunakan bagi menyemak ejaan yang betul bagi sesuatu perkataan yang ingin digunakan.
- Mengetahui sebutan yang betul – khususnya bagi seseorang yang sedang mempelajari sesuatu bahasa, kamus boleh juga digunakan bagi mengetahui sebutan yang betul bagi sesuatu perkataan yang sedang dipelajarinya.
- Mengetahui perkataan-perkataan yang membawa maksud yang sama atau berlawanan – secara khusus ini merujuk kepada penggunaan kamus sinonim (perkataan seerti) atau antonim (perkataan berlawanan)
- Menyemak penggunaan sesuatu istilah dengan betul – khusus bagi kamus-kamus bagi istilah untuk sesuatu bidang tertentu, ia biasa dirujuk bagi menentukan istilah yang tepat untuk digunakan.

Bagi tujuan rujukan bahan-bahan kamus di Perpustakaan USIM, bahan-bahan ini diletakkan dalam Koleksi Rujukan di Aras 2, dengan awalan huruf *dic.* pada nombor pengelasannya.



AKTIVITI PERPUSTAKAAN USIM



KAMUS DAN KEGUNAANNYA

Kamus adalah salah satu daripada bahan-bahan yang dikategorikan sebagai sumber maklumat terus. Lain-lain bahan yang dikelompokkan dalam kategori ini adalah ensiklopedia, direktori, buku laporan tahunan, almanak, dokumen terbitan kerajaan dan bahan sumber maklumat geografi seperti glob, peta dan carta.

Kamus digunakan bagi tujuan-tujuan seperti berikut:

- Mencari erti bagi sesuatu perkataan – secara umumnya penggunaan kamus biasanya adalah bertujuan bagi mencari erti bagi sesuatu perkataan yang difahami maksudnya.
- Menyemak ejaan yang betul – kamus juga boleh digunakan bagi menyemak ejaan yang betul bagi sesuatu perkataan yang ingin digunakan.
- Mengetahui sebutan yang betul – khususnya bagi seseorang yang sedang mempelajari sesuatu bahasa, kamus boleh juga digunakan bagi mengetahui sebutan yang betul bagi sesuatu perkataan yang sedang dipelajarinya.
- Mengetahui perkataan-perkataan yang membawa maksud yang sama atau berlawanan – secara khusus ini merujuk kepada penggunaan kamus sinonim (perkataan seerti) atau antonim (perkataan berlawanan)
- Menyemak penggunaan sesuatu istilah dengan betul – khusus bagi kamus-kamus bagi istilah untuk sesuatu bidang tertentu, ia biasa dirujuk bagi menentukan istilah yang tepat untuk digunakan.

Bagi tujuan rujukan bahan-bahan kamus di Perpustakaan USIM, bahan-bahan ini diletakkan dalam Koleksi Rujukan di Aras 2, dengan awalan huruf *dic.* pada nombor pengelasannya.



AKTIVITI PERPUSTAKAAN USIM



PENCARIAN BAHAN PERPUSTAKAAN di OPAC USIM




Paparan Antara Muka OPAC USIM

Apa yang ada pada OPAC USIM?

- Rekod katalog bahan-bahan Perpustakaan
- Maklumat berkaitan dengan jenis koleksi, lokasi, status bahan
- Patron Information
- Selective Dissemination of Information (SDI) (Penyebaran maklumat terpilih)
- Extended Bibliographic Service (XBS)
- Pautan pantas berkaitan pencarian bahan maklumat
- Bagaimana untuk menggunakan OPAC USIM?
- Layari alamat ini <http://library.usim.edu.my> atau klik ikon 'Library Catalog' pada laman web USIM
- Pengguna boleh membuat pencarian menerusi mana-mana kaedah pencarian ('Browse Search', 'Keyword Search' atau 'Advance Search').
- Masukkan kata kunci pencarian yang dikehendaki dan Klik Butang 'Search'
- Keputusan pencarian akan terpapar. Pilih bahan yang berkaitan.
- Sekiranya berminat semak status bahan terlebih dahulu.
- Catatkan butiran yang diperlukan seperti tajuk bahan, no panggilan bahan, lokasi bahan

Paparan Antara Muka Rekod Bahan



Bagaimana untuk mencari bahan Perpustakaan?

- Menggunakan OPAC Perpustakaan USIM.

Apa itu OPAC Perpustakaan USIM?

- OPAC merupakan singkatan kepada Online Public Access Catalog ataupun Katalog Awam Atas Talian
- OPAC merupakan katalog atas talian berasaskan web yang digunakan bagi mengesan bahan-bahan yang terdapat di dalam koleksi perpustakaan bersama dengan butiran maklumat seperti no panggilan, status pinjaman dan lain-lain.

Bagaimana untuk mengakses OPAC?

- Pengguna boleh melayari alamat ini <http://library.usim.edu.my>
- Terminal OPAC yang disediakan di Aras 1 & 2 Perpustakaan

Apakah yang dimaksudkan dengan Patron Information?

- Patron Access merupakan akaun yang diberikan kepada setiap pengguna Perpustakaan yang berdaftar untuk :
- Melihat status semasa peminjaman bahan dan jumlah denda yang belum dijelaskan
- Mengemaskini alamat emel aktif dan no. telefon bimbit bagi membolehkan menerima informasi terkini bahan Perpustakaan dan notis peringatan
- Mengaktifkan dan mengemaskini subjek interest di dalam module SDI
- Membuat pembaharuan peminjaman bahan perpustakaan secara atas talian
- Menukar kata-kunci akaun.

The screenshot displays the 'VTLS Chameleon iPortal Patron Summary' page. The header includes the USIM Digital Library logo and navigation tabs: Home, Keyword, Heading Keyword, External Databases, and Expert. The main content area is titled 'Welcome Mohd Helmi Bin Masor @ Mansor (S479)'. Below the welcome message, it states: 'Your library account is set to expire on 28-2-2105. Please see a librarian to renew your account.' A section titled 'You currently have the following circulation activity:' lists: 0 Requested Items, 0 Items that you have Checked Out, 0 Items Overdue, and 0 Booked Items. Another section states: 'Your library account currently has a balance of: \$5.70 Fines & Fees'. On the left sidebar, there are links for 'Links to Patron Information' (Summary, Full, Account, Activity, Online Database Login Info, Edit Patron Info, View Stored SDIs, Logout) and 'Recommended Reading' (The University in Flames). The browser's address bar shows 'http://library.usim.edu.my/cgi-bin/gw/chameleon'.

Paparan Antara Muka Patron Information

BAHAN MULTIMEDIA : KAEDAH P&P MUDAH, PRAKTIS DAN INTERAKTIF

Tahukah Anda ?

Multimedia ialah elemen media yang menggabungkan audio, animasi, grafik, teks dan video dalam penyampaian maklumat kepada pengguna.

Penggunaan teknologi atau bahan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran pada masa kini telah menjadi satu keperluan dalam usaha memantapkan keberkesanan terhadap sesuatu matapelajaran yang dipelajari. Selaras dengan arus semasa perpustakaan turut mengambil peluang dalam menyediakan bahan ini sebagai koleksi Perpustakaan untuk pengguna. Aplikasi teknologi sebegini harus dimanfaatkan sepenuhnya bagi menjanakan suatu output yang dapat digunakan untuk kebaikan pengguna perpustakaan.

Media penyebaran sesebuah aplikasi multimedia adalah menggunakan cakera liut atau disket dan cakera padat (CD-ROM). Kini penggunaan jenis Cakera padat yang paling biasa digunakan adalah CD-Recordable (CD-R), CD-ReWritable (CD-RW) dan Digital Versatile Disk (DVD). Kapasiti storan cakera padat yang berbeza boleh memuatkan pelbagai kandungan aplikasi. Jenis - jenis aplikasi kandungan bahan multimedia seperti buku interaktif, perisian komputer, Bahan rujukan (cth : ensiklopedia, Ensiklopedia, almanak, atlas), Panduan asas pembelajaran, Filem, Filem dokumentari, dan sebagainya.

Perpustakaan berperanan dalam menentukan jenis kandungan samada berbentuk ilmiah, santai, hiburan atau sebagainya mengikut kesesuaian perpustakaan itu sendiri. Justeru, sesebuah perpustakaan akademik, harus bijak dalam mengimbangi koleksi dari berbagai jenis bahan, termasuk bercetak, elektronik (termasuk pangkalan data atas talian), audiovisual, dan multimedia bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian. Pustakawan harus menyedari potensi format bahan multimedia sebagai bahan sumber sama seperti bahan-bahan bercetak dan format kandungan multimedia yang diperolehi sesebuah perpustakaan mesti bergantung kepada keperluan para penggunanya.

Melalui sokongan bahan multimedia interaktif yang telah disediakan oleh perpustakaan, suasana pengajaran dan pembelajaran disesebuah institusi pengajian itu menjadi lebih menarik dengan penggunaan elemen teks, audio, video, grafik dan animasi yang melibatkan kesemua kepekaan manusia. Pengaplikasian bahan multimedia juga memudahkan terutamanya pensyarah menyampaikan pelbagai maklumat dengan pelbagai pendekatan yang menarik.

Kelebihan kepada pengguna


Melalui penggunaan bahan multimedia, strategi integrasi berkesan dapat diwujudkan diantara pensyarah dan pelajar. Ia terhasil melalui kandungan multimedia yang digunakan adalah bergantung kepada interaksi pensyarah mengendalikan bahan pengajaran tersebut kepada aktiviti kelas. Semasa sesi pengajaran pembelajaran berlangsung ianya lebih tertumpu dan melibatkan pancaindera. Kebiasaannya dengan sokongan bahan multimedia tersebut pensyarah mampu menyampaikan sesi pengajaran dengan berkesan yang mana hasil daripada integrasi tersebut maka minat serta daya ingatan pelajar terhadap pembelajaran tersebut juga meningkat.

Kelebihan lain menggunakan bahan multimedia adalah memberi manfaat kepada pelajar itu sendiri dimana pelajar boleh menerima, memproses, mengingat, menyimpan maklumat pembelajaran dengan sokongan bahan interaktif yang dipaparkan oleh pensyarah. Dengan kaedah pembelajaran yang lebih menarik, pelajar boleh mempraktikkan apa yang telah dipelajari dengan berinteraksi secara interaktif dengan perisian bahan tersebut. Tambahan pula setiap orang pelajar kini telah memiliki komputer dan komputer riba sendiri, ia lebih memudahkan pelajar untuk mengulang kaji pembelajaran tersebut diluar waktu pembelajaran dengan hanya menggunakan bahan multimedia tersebut pada komputer masing - masing serta dimana - mana lokasi.


Dengan adanya perkhidmatan peminjaman dan pemulangan bahan multimedia yang disediakan oleh perpustakaan, pensyarah dan pelajar akan mendapat kebebasan untuk menggunakan bahan tersebut sama seperti menggunakan bahan bercetak mengikut kesesuaian masa yang telah ditetapkan. Pengguna perpustakaan boleh memilih pelbagai jenis koleksi bahan multimedia yang ada di Perpustakaan sekiranya ingin membuat pinjaman. Kelebihannya adalah pengguna boleh berkongsi bahan secara berkumpulan dengan pantas menggunakan perkakasan komputer dan ruang yang disediakan oleh pihak perpustakaan atau komputer sendiri. Masa juga dapat dijimatkan dan perkongsian maklumat juga bertambah dengan segera.

Pelbagai pendekatan telah diambil oleh pihak perpustakaan dalam menyediakan perkhidmatan terbaik serta bagi menyokong proses pembelajaran dan pengajaran di institusi pengajian. Justeru, penggunaan dari pelbagai sumber koleksi perpustakaan terutamanya bahan multimedia harus diimplementasikan dalam pengajaran dan pembelajaran secara berkesan untuk memastikan sumber yang disediakan oleh perpustakaan itu mampu meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran di institusi pengajian. Sumber Rujukan:

- Pusat Rujukan Persuratan Melayu @ DBP :
- <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=bahan+multimedia>
- <http://wwwctl.utm.my/publications/manuals/mm/PenyebaranAplikasi.pdf>
- <http://archive.ifla.org/VII/s35/pubs/avm-guidelines04-ms.pdf>



ILMU DAN ISLAM : SEMPENA PERTUKARAN NAMA DARI KUIM KE USIM



Tajuk: Ilmu dan Islam : sempena pertukaran nama dari KUIM ke USIM.

Penyunting: Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Sapora Sipon, Badrul Munir Muhammad Nur.

Penerbit: Penerbit USIM, Universiti Sains Islam Malaysia.

Tahun: 2009.

ISBN: 9789675295140

No. panggilan: LC904 .I46 2009

Buku Ilmu dan Islam : sempena pertukaran nama dari KUIM ke USIM menggabungkan artikel menarik dari pelbagai disiplin ilmu yang bertunjangkan pengajian Islam dalam usaha memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan. Usaha ini selari dengan falsafah penubuhan USIM iaitu paduan antara Ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu. Kepelbagaian artikel dari disiplin yang berbeza merupakan antara usaha menjadikan USIM sebuah institusi ilmu bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam. Diharapkan pembaca dapat memanfaatkan artikel dalam buku ini sebagai sebahagian usaha mengembalikan tradisi kecemerlangan agama Islam dalam segala bidang kehidupan termasuk bidang ilmu.

MELAKAR JEJAK BIOGRAFI : TAN SRI YUSOF NOOR

Tajuk: Melakar jejak : biografi Tan Sri Mohd. Yusof Noor.


Pengarang: Salleh Hj Yusof, Hariza Mohd Yusof.

Penerbit: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Tahun: 2009.

ISBN: 9789675295126

No. panggilan: DS597.215.M65 .S25 2009



Penerbitan buku ini merupakan usaha melakarkan apa jua pengalaman diperolehi oleh Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor dalam bidang yang telah diceburinya. Sebagai anak desa, langkah demi langkah yang dilaluinya, dan tapak demi tapak yang dijejaki oleh beliau, yang bermula daripada bawah, hinggalah ke mercu kejayaan sebagai seorang menteri dalam Kerajaan Persekutuan, suatu pencapaian yang mengagumkan. Dunia akademiknya pula bermula sebagai pelajar, kemudian mengajar, seterusnya memimpin-penuh dengan pahit manis, pentas politik yang pelbagai onak, gelanggang sosial bersama rakyat, arena korporat yang pelbagai rancang dan juga sokongan padu keluarga menjadikan lakaran jejak yang menarik untuk diselusuri.

Buku ini diharapkan menjadi salah satu cetusan kepada generasi muda dan masa depan untuk berani bergerak dalam apa juga bidang yang dipertanggungjawabkan. Rakaman dalam buku sebegini merupakan suatu bentuk rakaman sejarah yang akan diterokai, serta diteladani oleh generasi sekarang dan masa depan. Beliau merupakan tokoh negarawan yang banyak berjasa kepada negara. Sumbangan beliau bukan sekadar berada dalam lingkungan dan kepompong yang terhad tetapi melangkaui segala bidang. Langkah beliau telah melata dalam bidang ekonomi dan muamalat, ilmu Islam, pendidikan, dan juga yang melibatkan kebajikan awam.

KE ARAH UMAT HADHARI

Tajuk: Ke arah umat hadhari.

Penyunting: Khairul Azmi Mohamad, Shaikh Mohd. Saifuddeen Shaikh Mohd. Salleh, Norhanizah Ismail.

Penerbit: Yayasan Ilmuwan.

ISBN: 9789834437213

Tahun: 2009

No. panggilan: BP63.M27 .K43 2009

Ke Arah Umat Hadhari menghimpunkan 22 artikel yang membincangkan Islam Hadhari secara rasional, dan bukannya emosional; secara ilmiah, dan bukannya retorik; serta berlandaskan fakta dan angka, dan bukannya berlandaskan andaian dan prasangka. Himpunan artikel yang terkandung dalam buku ini mengupas 10 prinsip Islam Hadhari dari pelbagai sudut pandangan.

22 bab yang dipaparkan menyentuh pelbagai dimensi pendekatan Islam Hadhari yang dikaitkan dengan pembangunan tamadun. Antara dimensi-dimensi yang dihalusi ialah kenegaraan, penguasaan ilmu pengetahuan, pembangunan ekonomi dan tamadun, kehidupan berkualiti, hak-hak golongan minoriti, keutuhan budaya dan moral, pemuliharaan alam sekitar dan sumber asli, dan pertahanan negara. Buku ini diharap dapat menjadi sumber rujukan yang berguna kepada masyarakat dan memperkayakan khazanah ilmu negara.





Title : Contemporary issues in the global higher education marketplace: prospects and challenges.
Editors : Morshidi Sirat, Sarjit Kaur.
Publisher : National Higher Education Research Institute (IPPTN).
Year : 2010
ISBN : 9789834266271
Call Number : LB2361.M4 .C66 2010

The purpose of this book is to present relevant and thought-provoking discussions on a few current and emerging issues in global higher education. A firm understanding on selected issues of higher education at an international level will help governments, policy makers, researchers and higher education leaders make appropriate decisions while preparing for the future. Every industry and institution needs direction in order to make healthy progress. Thus grasping contemporary trends and forecasting future impediments will provide a clear direction for the country's education industry.


The chapters in the book address contemporary issues faced by selected developing nations. Issues discussed include international students' experiences, a comparative study on student mobility, the effect of globalization and market forces on quality higher education provision, students' preferences for academic streams, impact of schemes and taxes on higher education and the benefits of cyberpreneurship course drawing on the interface of rapid technological tools in higher education.



Title: Fishes of Malaysia.
Editors: Mohd. Azmi Ambak ...[et al.]
Publisher: Penerbit UMT
Year: 2010
ISBN: 9789675366260
Call Number: QL634.M2 .F57 2010

As we all know, fishes are very valuable to us firstly as food. They form a staple diet to most people and contributed as one of the very important element of economy in many nations, becoming source of income and livelihood for the population. The fish and fishery resources are valuable for not only food but also as ornaments and recreation. Because of their importance also, many fish are hunted down, which lead to extinction, some become critically endangered and seriously threatened. Fishes are diverse and form a basis of our heritage, therefore there is a need to maintain and protect their diversity.

The book is written with the intention of presenting the diversity of fish found in Malaysia for academic and non academic audience. The photographs are provided to assist in identification of the various fishes found in the Malaysia waters. The fish species in the book are arranged in classes, subclasses, orders and families, and how they are related in terms of phylogeny (evolutionary lineage).



Title : University curriculum and employability needs.
Editors : Morshidi Sirat, Ambigapathy Pandian.
Publisher : National Higher Education Research Institute (IPPTN).
Year : 2010
ISBN : 9789834169428
Call Number : LB2361.M4 .U55 2010

Higher Education in Malaysia has experienced tremendous changes since the country's independence 53 years ago. These changes correspond with the rapid development of Malaysia resulting in transformations in the use of its workforce, the improvement of knowledge, technology and innovation, the development of its economic sectors in various fields of industry and services as well as socio-cultural adjustments in Malaysian society. In order to ensure that Malaysia is able to compete internationally, changes in the national higher education system especially in the Malaysian university curriculum should be given top priority. These changes are inevitable in view of the rapidly changing and increasingly demanding needs of country being perceived as a business commodity, just like the various service sectors which generate the country's economy. Therefore, universities play an important role in their effort to prepare the workforce, or human capital, to be resilient in facing challenges at the workplace and its environment in the 21st century.

The report in this book details the findings of discussions pertaining to all aspect, initiatives, possibilities, challenges as well as opportunities for the formulation of a more effective university curriculum to produce graduate who are able to meet the relevant employability criteria. Measures and proposals for the attainment of this goal are also presented. It is hope that the findings of this research will help to identify the contributing factors of unemployment among graduates.

Perkahwinan Zakitangan

Tahniah Kepada Kakitangan Perpustakaan dan Pasangan Masing-Masing Yang Telah Melangsungkan Perkahwinan Mereka.



En. Ali Zahran Thurmoodi,
Pembantu Am Pejabat, Jabatan Perpustakaan, dan
Pn. Che Wan Mariah Nur Wan Zainuddin.
24 September 2010



Pn. Hafizah Badri
Pustakawan, Unit Multimedia dan
En. Ahmad Kamil bin Abdul Halim
9 Oktober 2010



En. Mohamad Salbihan Salman
Pustakawan, Unit Sirkulasi dan
Pn. Nuraina Hanipah
21 November 2010

Pahaya Mata

Tahniah Kepada Kakitangan Perpustakaan serta Pasangan Masing-Masing Yang Telah Menyambut Kelahiran Cahaya Mata Masing-Masing.



En. Ahmad Yazid Ahmad @ Abdul Rahman
(Pustakawan, Unit Rujukan) dan
Pn. Haryati Yaacob

AMIRAH DURRATUL ISHQI
24 September 2010



En. Hasrizal Yahya
(Pembantu Perpustakaan, Unit Arkib)
dan Pn. Norhana Yaacob

HAYYAN NUJAIID
27 September 2010



Pn. Noor Juliana Hussain
(Pembantu Setiausaha Pejabat,
Pejabat Timbalan Ketua Pustakawan) dan
En. Azman Adam

MUHAMMAD FAKHRI MIFZAL
4 November 2010



Pn. Wan Azura Radzuan
(Pembantu Perpustakaan Kanan,
Bhgn Teknikal) dan
En. Muhammad Nazaruddin

MUHAMMAD FARIZUDDIN
15 November 2010



Pn. Marhaniza Abdul Halim
(Pustakawan Kanan, Bhgn Pengurusan)
dan En. Khairudin Embong

IRFAN HAREETH
20 November 2010



Pn. Hasmida Saleh
(Pustakawan Kanan,
Bahagian Perkhidmatan) dan
En. Ahmad Shahir Abu

MUHAMMAD DANISH IMAN
2 Disember 2010



Pn. Suharti Tulos @ Abd. Jalil
(Pembantu Perpustakaan, Unit Koleksi Undang-undang)
dan En. Suhairi Sanusi

NUR ALIYA ZAFIRAH
18 Disember 2010

Visionary Technology in Library Solutions

Details Clarity **Self-exploration**

Full-text Intelligent interface Images

Visualization New Generation **Mashups**

Multimedia Metadata **Multilingual**

RDA Social Tagging **Lib2.0**

RFID Easy **Fast**

Visionary Technology in **Library Solutions**

Faceted Searching **Repository** Solution

Multiple Search **Social OPAC**

Comprehensive Tool **Discovery** **Harvesting**

Dynamic **FRBR** **Flexible**



Malaysian Office:

VTLS Technologies Sdn. Bhd.

No. 1017, Block A, (Lift Lobby 5), Damansara Intan, 1, Jalan SS20/27
47400 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

✉ ask-us@vtls.com.my

☎ +603 7118 3350 ☎ +603 7118 3353

🌐 <http://www.vtls.com>

VTLS Global Offices: Australia, Brazil, India, Malaysia, Spain & USA (Headquarters)

Design & Printed By

PERCETAKAN CAHAYA MURNI

Tel : 06-678 8118 / 06-678 8558 Faks : 06-678 8228 Email : pcmns@streamyx.com